

# Naib Canselor UMP Profesor Tamu di China

**K**UANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melakar sejarah apabila Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim dilantik Profesor Tamu Universiti Hebei di China berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Pelantikan dua tahun itu diumumkan sendiri Naib Presiden universiti berkenaan, Profesor Wang Jun Xiang pada majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan Universiti Hebei bertujuan meningkatkan taraf pendidikan dan kerjasama dua hala antara universiti.

Katanya, pelantikan dibuat berdasarkan latar belakang akademik dan komitmen Daing Nasir dalam mengukuhkan agenda antarabangsa universiti dengan tumpuan terhadap jalinan kerjasama penyelidikan serta akademik bersama universiti luar negara.

"Menerusi MoU ini, UMP dan Universiti Hebei akan menumpukan terhadap kerjasama akademik termasuk pertukaran pelajar dan kakita-

ngan akademik," kata Jun Xiang selepas majlis menandatangani MoU itu dalam satu majlis makan malam di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Profesor Datuk Dr Sabaruddin Mohd; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Profesor Dr Rosli Mohd Yunus dan Dekan Sekolah Komunikasi Universiti Hebei, Profesor Bai Gui.

Sementara itu, Daing Nasir, berkata pelantikan itu lambang kerjasama jangka panjang antara kedua-dua universiti.

"Kami akan bekerjasama dalam pelbagai bidang penyelidikan termasuk pengurusan, kejuruteraan dan teknologi selain memastikan MoU ini dimanfaatkan sepenuhnya.

"Kerjasama ini juga meneliti keperluan pertukaran maklumat akademik dan kepakaran terutama dalam bidang kejuruteraan dan teknologi universiti masing-masing untuk dikongsi bersama," katanya.